

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA AJARAN MAKRFAT ISMAIL BIN ARIFFIN @ LEPAT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Ajaran Makrifat oleh Ismail bin Ariffin @ Lepat adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar dan bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Mana-mana individu atau kumpulan yang mengamal dan menyebarkan fahaman, ajaran dan pegangan seumpama ini adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.
3. Orang Islam hendaklah menjauhi fahaman dan ajaran ini dan dilarang berpegang dan beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah mengikut dan mengamalkan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah SWT.
4. Apa-apa publisiti, pengajaran, penulisan, penyebaran dan penerbitan bahan bercetak, audio visual atau apa-apa yang berkaitan dengan ajaran Makrifat Ismail bin Ariffin @ Lepat adalah tidak dibenarkan dan perlu disekat.
5. Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari aspek akidah, syariah, dan tasawwuf yang berdasarkan kefahaman Islam sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu dari segi akidah berpandukan Manhaj al-Asyairah dan al-Maturidiyyah, dari segi syariah berpandukan mazhab as-Syafie serta mazhab muktabar yang lain seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali ketika diperlukan dalam menyelesaikan masalah tertentu dan dari segi tasawwuf berpandukan manhaj Imam Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali serta aliran tasawwuf yang sah dan muktabar.

Bertarikh 12 Jamadil Awal 1444 / 7 Disember 2022

[JMJ.351/04/01/6/62;PPUUNJ(R)600-1/5/8(37)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

MOHD FARID BIN KASSIM
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*